

14.5.2023

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PBA HOLDINGS BHD AND PBAPP.

PBAPP MULAKAN TINDAKAN KECEMASAN TERHADAP PENURUNAN MENDADAK YANG TIDAK DIKETAHUI DI SUNGAI MUDA

PULAU PINANG, Ahad, 14.5.2023:

- Kira-kira pada pukul 5.00 pagi hari ini, satu keadaan tidak diduga berlaku di Sungai Muda. Kejadian ini berkemungkinan berlaku di hulu Sungai Muda, Kedah. Ia telah menyebabkan paras air mentah di muka sauk Lahar Tiang PBAPP menurun ke bawah 1.0m. Paras normal adalah melebihi 2.0m.
- Disebabkan kejadian ini, PBAPP tidak dapat mengabstrak air mentah dari Sungai Muda. Sungai ini merupakan sumber air mentah utama Pulau Pinang. Lebih daripada 80% air mentah yang diambil PBAPP setiap hari untuk menghasilkan air terawat berasal dari Sungai Muda.
- Sumber air mentah dari Sungai Muda disalurkan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. LRA Sungai Dua ialah LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang. Air terawatnya dibekalkan ke seluruh Seberang Perai dan juga ke kawasan selatan Pulau Pinang.
- Disebabkan kejadian tidak di duga di Sungai Muda pada pagi ini, LRA Sungai Dua tidak dapat mengeluarkan isipadu "biasa" kira-kira 1,000 juta liter sehari (JLH) air terawat.
- PBAPP sedang menyalurkan air dari Empangan Mengkuang untuk menyokong pengeluaran air di LRA Sungai Dua. Walau bagaimanapun, pengeluaran kami terhad kepada 300 JLH, yang tidak mencukupi untuk menampung kekurangan daripada Sungai Muda.
- Buat masa ini, pengeluaran air terawat di LRA Sungai Dua dihadkan kepada 600 JLH – 650 JLH, sehingga PBAPP boleh menyambung semula operasi pengabstrakan air mentah 100% di Lahar Tiang. PBAPP tidak tahu bila "pemulihan" ini akan berlaku. Seperti yang kita faham, siasatan dijalankan oleh "Pengurusan Lembangan Sungai Muda" (PLSM), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Lembaga Bekalan Air Pulau Pinang (BKSA) hari ini.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- **Keadaan tidak di duga ini kini menjejaskan bekalan air untuk beribu-ribu pengguna air Pulau Pinang di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Selatan (SPS) dan kawasan selatan Pulau Pinang.**
- **Sesetengah pengguna di kawasan terjejas akan mengalami "tekanan air rendah" atau "tiada bekalan air" mulai hari ini (14.5.2023) hingga Rabu (17.5.2023). Pengguna yang masih mempunyai bekalan air perlu menyimpan air untuk kegunaan dalam beberapa hari akan datang.**
- **Pasukan kejuruteraan PBAPP akan bekerja sepanjang masa untuk mengoptimumkan operasi pengabstrakan air mentah di muka sauk Lahar Tiang dan operasi pengeluaran air di LRA Sungai Dua. Kami akan merawat air sebanyak mungkin dalam keadaan sekarang untuk membekalkan kepada seramai mungkin pengguna di Pulau Pinang.**
- **Bagaimanapun, kami tidak dapat menyatakan dengan pasti bila perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang akan dinormalisasi sepenuhnya untuk semua pengguna kerana kami tidak tahu dengan tepat bila paras sungai Sungai Muda akan pulih kepada 2.0m atau lebih tinggi.**
- **Buat masa ini, kami juga tidak mengetahui secara pasti apa yang berlaku di Sungai Muda, di hulu muka sauk Lahar Tiang kami.**
- **Apabila PBAPP mempunyai lebih banyak data dan maklumat, kami akan terus memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang mengenai perkara ini secara berkala, melalui media massa dan media sosial.**
- **PBAPP memohon kerjasama dan sokongan baik rakyat Pulau Pinang. Senario ini disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga. Setahu PBAPP, keadaan tidak di duga itu tidak berlaku di Pulau Pinang. Bagaimanapun, PBAPP sedang melakukan yang terbaik untuk menangani kesan negatif di Pulau Pinang.**

Sekian. Terima kasih

Dikeluarkan oleh : Farid Bin Othman
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6606
Email : farid@pba.com.my